

**P.U. (A) 108.**

AKTA LEMBAGA PELABUHAN BINTULU 1981

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN LABUAN (PELABUHAN  
TELUK VICTORIA) (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2020

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN KAPAL

3. Jenis caj
4. Dius pelabuhan
5. Dius simpan tunggu
6. Caj pengendalian kargo kapal ke kapal

BAHAGIAN III

PELBAGAI

7. Penentuan berat
8. Asas caj
9. Pengiraan ukuran dan berat
10. Pembayaran caj
11. Caj terkurang
12. Had masa dan syarat bagi bayaran balik caj berlebihan
13. Tanggungan bagi caj
14. Pengeluaran semula dokumen
15. Caj pesisir depan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## AKTA LEMBAGA PELABUHAN BINTULU 1981

UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN LABUAN (PELABUHAN  
TELUK VICTORIA) (SKALA KADAR, DIUS DAN CAJ) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 27 dan 67 Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 [*Akta 243*] dan menurut Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Peluasan Fungsi) 2017 [*P.U. (A) 35/2017*], Lembaga Pelabuhan Labuan, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Labuan (Pelabuhan Teluk Victoria) (Skala Kadar, Dius dan Caj) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 6 April 2020.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hari” berhubung dengan suatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari masa permulaan transaksi itu;

“kargo” hendaklah termasuk barang-barang sama ada dalam kontena atau selainnya, dan bagasi dan barang penumpang;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pelabuhan Labuan yang ditubuhkan melalui Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Peluasan Fungsi) 2017 [*P.U. (A) 35/2017*] dan termasuklah pekhidmat dan ejennya;

“Pelabuhan” ertinya Pelabuhan Teluk Victoria di dalam had kawasan yang diisytiharkan di bawah seksyen 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*];

“simpan tunggu” berhubung dengan suatu kapal, ertinya tidak digunakan secara aktif dengan syarat bahawa nakhoda atau pemilik kapal itu telah memberikan notis bertulis kepada Lembaga bahawa kapal itu adalah dalam keadaan sedemikian, dan Lembaga itu telah memberikan kelulusan bertulis mereka;

“tan” ertinya satu tan metrik merangkumi satu ribu kilogram atau satu meter padu;

“TK” ertinya tanan kasar sesuatu kapal yang diukur mengikut Konvensyen Antarabangsa Pengiraan Tanan Kapal 1969;

“transaksi” termasuklah semua perkhidmatan yang diberikan, dibekalkan atau disediakan oleh Lembaga atau penggunaan kemudahan Lembaga oleh pengguna pelabuhan.

## BAHAGIAN II

### CAJ AKAUN KAPAL

#### Jenis caj

3. Lembaga boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun kapal:

- (a) dius pelabuhan;
- (b) dius simpan tunggu; dan
- (c) caj pengendalian kargo kapal ke kapal.

#### Dius pelabuhan

4. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan kapal yang memasuki atau singgah di Pelabuhan bagi apa-apa maksud, hendaklah membayar dius pelabuhan kepada Lembaga, pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (3), Bahagian 1 Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun perenggan (1), dius pelabuhan minimum hendaklah terpakai pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (4), Bahagian 1 Jadual Pertama berhubung dengan kapal yang memasuki atau singgah di Pelabuhan bagi apa-apa maksud untuk tempoh seperti yang berikut—

- (a) tidak melebihi tiga puluh hari, jika dius pelabuhan di bawah perenggan tersebut kurang daripada sepuluh ringgit; atau
  - (b) melebihi tiga puluh hari, jika dius pelabuhan di bawah perenggan tersebut kurang daripada dua ringgit.
- (3) Dius pelabuhan di bawah perenggan (1) tidak terpakai bagi—
- (a) semua kapal kepunyaan Kerajaan Malaysia;
  - (b) kapal yang singgah di Pelabuhan untuk mendapatkan bantuan perubatan dan menurunkan orang sakit;
  - (c) kapal yang mencari perlindungan di Pelabuhan akibat kerosakan, ribut atau keadaan cuaca buruk yang lain;

- (d) kapal yang singgah di Pelabuhan bagi maksud pemuatan atau pemunggahan barang atau bahan-bahan untuk kegunaan Lembaga sendiri dan kapal yang digunakan untuk kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan yang ditanggung oleh Lembaga; dan
- (e) kapal yang melalui had Pelabuhan dalam alur pelayaran biasa.

### **Dius simpan tunggu**

5. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius simpan tunggu kepada Lembaga bagi kapal yang simpan tunggu pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Pertama.

### **Caj pengendalian kargo kapal ke kapal**

6. Seseorang pengguna pelabuhan, hendaklah membayar caj pengendalian kargo kapal ke kapal pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Pertama.

## **BAHAGIAN III**

### **PELBAGAI**

#### **Penentuan berat**

7. Lembaga hendaklah menentukan berat barang bagi maksud pengiraan caj dengan cara yang berikut:
- (a) menimbang;
  - (b) menghendaki pekapal atau penerima konsain memberikan butir-butir berat; atau
  - (c) menilai ukuran atau anggaran berat itu.

#### **Asas caj**

8. (1) Lembaga boleh mengenakan caj berasaskan ukuran tan jika berat tan tidak boleh ditentukan atau sebaliknya.
- (2) Caj hendaklah berasaskan berat atau ukuran tan, mengikut mana-mana yang lebih besar.
- (3) Dalam hal kargo pukal, caj hendaklah berasaskan tan yang diikrar dalam manifes tan atau ditentukan oleh ukuran kedalaman.
- (4) Bagi maksud undang-undang kecil ini, satu ribu kilogram adalah sama dengan satu tan dan satu meter padu adalah sama dengan satu tan.

**Pengiraan ukuran dan berat**

9. (1) Dalam mengira ukuran, bahagian suatu meter padu hendaklah dibundarkan kepada meter padu paling dekat yang lebih tinggi.

(2) Dalam mengira berat, bahagian suatu tan hendaklah dibundarkan kepada tan paling dekat yang lebih tinggi.

**Pembayaran caj**

10. (1) Apa-apa pembayaran caj hendaklah dibayar melalui lejer atau akaun kredit yang lain berserta dengan suatu jaminan kewangan.

(2) Jika kemudahan kredit disediakan oleh Lembaga kepada pengguna pelabuhan, jumlah tertunggak yang berkenaan dengannya kemudahan kredit itu diberikan hendaklah dijelaskan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh invoices.

(3) Jumlah tertunggak yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2) hendaklah dikenakan surcaj sebagai ganti rugi sebanyak sejumlah wang yang sama banyaknya dengan caj yang tidak dibayar.

(4) Jumlah tertunggak yang disebut dalam perenggan (3) yang tidak dijelaskan tidak termasuk amaun surcaj.

**Caj terkurang**

11. Lembaga berhak memungut apa-apa amaun caj yang ditentukan sebagai terkurang caj atau selainnya didapati kena dibayar, dan hendaklah menuntut secara bertulis pembayaran apa-apa amaun itu dalam masa enam tahun dari tarikh transaksi.

**Had masa dan syarat bagi bayaran balik caj berlebihan**

12. (1) Seseorang pengguna pelabuhan berhak mendapat bayaran balik apa-apa caj berlebihan jika suatu tuntutan bagi bayaran balik dikemukakan secara bertulis kepada Lembaga dalam tempoh enam tahun dari tarikh transaksi.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan yang menuntut bayaran balik apa-apa caj berlebihan hendaklah memberikan maklumat penuh yang disokong oleh apa-apa keterangan dokumentar yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(3) Dalam hal kargo, Lembaga hendaklah menerima tuntutan bayaran balik jika pengguna pelabuhan telah mempertikaikan ukuran atau berat kargo itu pada masa kargo itu diukur atau ditimbang.

### Tanggungjawab bagi caj

13. (1) Seseorang penerima konsain hendaklah bertanggungjawab bagi semua caj kargo masuk.

(2) Seseorang pekapal adalah bertanggungjawab bagi semua caj kargo keluar.

(3) Seseorang nakhoda kapal atau ejen kapal hendaklah bertanggungjawab bagi semua caj yang boleh didapati daripada kapal dan kargo pindah kapal.

### Pengeluaran semula dokumen

14. Jika apa-apa baucar, kertas hitung, invoice atau dokumen lain yang berhubungan dengan penghantaran kargo yang dikeluarkan oleh Lembaga kepada pengguna pelabuhan telah hilang atau secara tidak sengaja telah rosak atau butir-butir itu tidak boleh dibaca, Lembaga setelah berpuas hati dengan kehilangan, kerosakan atau tidak boleh dibaca itu hendaklah, dengan bayaran fi sebanyak dua puluh lima ringgit, mengeluarkan semula dokumen asal atau dokumen gantian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### Caj pesisir depan

15. Seseorang penerima konsain atau pekapal hendaklah membayar caj pesisir depan kepada Lembaga bagi kargo dan kenderaan yang melintasi pesisir depan dalam had Pelabuhan selain pesisir depan di dalam premis Pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### JADUAL PERTAMA

#### CAJ AKAUN KAPAL

#### BAHAGIAN 1

#### DIUS PELABUHAN

[undang-undang kecil 4]

Butiran	Perihal	Bagi setiap TK atau sebahagian daripadanya	Dius pelabuhan minimum
(1)	(2)	(RM) (3)	(RM) (4)
1.	Bagi setiap kapal yang memasuki atau singgah di Pelabuhan bagi apa-apa maksud		
	(a) tidak melebihi tempoh 30 hari, setiap kemasukan	0.10	10.00
	(b) melebihi tempoh 30 hari, sebagai tambahan kepada caj yang kena dibayar di butiran 1(a), bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya	0.02	2.00

BAHAGIAN 2  
DIUS SIMPAN TUNGGU  
[undang-undang kecil 5]

Butiran	TK kapal	Bagi setiap 30 hari atau sebahagian daripadanya bagi setiap kemasukkan (RM)
(1)	(2)	(3)
1.	Tidak melebihi 1000 TK	750.00
2.	Melebihi 1000 TK tetapi tidak melebihi 2000 TK	1,250.00
3.	Melebihi 2000 TK tetapi tidak melebihi 15,000 TK	1,750.00
4.	Melebihi 15,000 TK	3,500.00 dan dengan tambahan 1.80 bagi setiap 100 TK atau sebahagian daripadanya

BAHAGIAN 3  
CAJ PENGENDALIAN KARGO KAPAL KE KAPAL  
[undang-undang kecil 6]

Butiran	Perihalannya	Bagi setiap tan kargo atau sebahagian daripadanya (RM)
(1)	(2)	(3)
1.	Kargo dipindahkan dari satu kapal ke kapal lain dalam had Pelabuhan	0.15

JADUAL KEDUA  
CAJ PESISIR DEPAN  
[undang-undang kecil 15]

Butiran	Perihalannya	Bagi setiap tan kargo atau sebahagian daripadanya (RM)
(1)	(2)	(3)
1.	Semua kargo yang melintasi pesisir depan	1.00

Dibuat 30 Mac 2020  
[LPL.100-1/1/1(1); PN(PU2)388/V]

CHAN FOONG HIN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelabuhan Labuan*

Diluluskan 31 Mac 2020  
[MOT.BM (S). 600-2/7/7(9); PN(PU2)388/V]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
*Menteri Pengangkutan*

---

BINTULU PORT AUTHORITY ACT 1981

LABUAN PORT AUTHORITY (VICTORIA BAY PORT) (SCALE OF RATES,  
DUES AND CHARGES) BY-LAWS 2020

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

SHIP'S ACCOUNT CHARGES

3. Type of charges
4. Port dues
5. Lay-up dues
6. Handling charge for ship to ship cargo

PART III

MISCELLANEOUS

7. Determination of weight
8. Basis of charges
9. Calculation of measurement and weight
10. Payment of charges
11. Undercharge
12. Time limit and condition for refund of overcharge
13. Liability for charges
14. Re-issuance of documents
15. Foreshore charge

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

## BINTULU PORT AUTHORITY ACT 1981

LABUAN PORT AUTHORITY (VICTORIA BAY PORT) (SCALE OF RATES,  
DUES AND CHARGES) BY-LAWS 2020

IN exercise of the powers conferred by sections 27 and 67 of the Bintulu Port Authority Act 1981 [*Act 243*] and pursuant to Bintulu Port Authority (Extension of Functions) Order 2017 [*P.U. (A) 35/2017*], the Labuan Port Authority, with the approval of the Minister, makes the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Citation and commencement**

1. (1) These by-laws may be cited as the **Labuan Port Authority (Victoria Bay Port) (Scale of Rates, Dues and Charges) By-laws 2020**.

(2) These By-laws come into operation on 6 April 2020.

**Interpretation**

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“day” in relation to a transaction, means the period of twenty-four hours from the time of the commencement of the transaction;

“cargo” shall include goods whether containerized or otherwise, and passenger luggage and effects;

“Authority” means the Labuan Port Authority established by Bintulu Port Authority (Extension of Functions) Order 2017 [*P.U. (A) 35/2017*] and includes its servants and agents;

“Port” means the Victoria Bay Port within the limits declared under section 6 of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/1952*];

“lay-up” in relation to a ship, means not actively employed provided that the master or owner of such ship has given written notice to the Authority that the ship is in such condition, and the Authority have given their written approval;

“tonne” means one metric tonne of one thousand kilogramme or one cubic metre;

“GT” means the gross tonnage of a ship measured in accordance with the International Convention of Tonnage Measurement of Ships 1969;

“transaction” includes all services rendered, supplied or provided by the Authority or the use of Authority’s facilities by the port user.

---

PART II  
SHIP'S ACCOUNT CHARGES

**Type of charges**

3. The Authority may imposed the following types of charges on the port user and such charges shall be credited into the ship's account:

- (a) port dues;
- (b) lay-up dues; and
- (c) handling charge for ship to ship cargo.

**Port dues**

4. (1) A port user, in relation to a ship entering or calling the Port for any purpose, shall pay the port dues to the Authority, at the rate as specified in column (3), Part 1 of the First Schedule.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the minimum port dues shall apply at the rate as specified in column (4), Part 1 of the First Schedule in relation to a ship entering or calling the Port for any purpose for such period as follows—

- (a) not exceeding thirty days, where the port dues under that paragraph is less than ten ringgit; or
  - (b) exceeding thirty days, where the port dues under that paragraph is less than two ringgit.
- (3) Port dues under paragraph (1) not applicable for—
- (a) all ships belonging to the Government of Malaysia;
  - (b) ships calling at the Port for medical assistance and disembarking ill passengers;
  - (c) ship seeking refuge at the Port because of damage, storm or any other bad weather situation;
  - (d) ships calling at the Port for the purpose of loading or discharging of merchandise or materials for the sole use of the Authority and ships used for installation and maintenance works borne by the Authority; and
  - (e) ships passing through the Port limit during innocent passage.

**Lay-up dues**

5. A port user shall pay the lay-up dues to the Authority for a ship on lay-up at the rate specified in Part 2 of the First Schedule.

**Handling charge for ship to ship cargo**

6. A port user shall pay the handling charge for ship to ship cargo to the Authority at the rate specified in Part 3 of the First Schedule.

## PART III

## MISCELLANEOUS

**Determination of weight**

7. The Authority shall determine the weight of goods for the purpose of calculating charges by way of the following:

- (a) weighing;
- (b) requiring the shipper or consignee to furnish particulars of the weight;  
or
- (c) assessing the weight measurement or estimation.

**Basis of charges**

8. (1) The Authority may impose charges on measurement tonnage if the weight tonnage cannot be ascertained or *vice versa*.

(2) The charges shall be based on weight or measurement tonnage, whichever is greater.

(3) In the case of bulk cargo, the charges shall be based on tonnage declared in the manifest tonnage or determined by draft survey.

(4) For purpose of this by-law, one thousand kilogrammes is equivalent to one tonne and one cubic metre is equivalent to one tonne.

**Calculation of measurement and weight**

9. (1) In calculating the measurement, fractions of a cubic metre shall be rounded-up to the next higher cubic metre.

(2) In calculating the weight, fractions of a tonne shall be rounded-up to the next higher tonne.

**Payment of charges**

10. (1) Any payment of charges shall be payable by ledger or other credit account accompanied by a financial security.

(2) Where credit facilities are made available by the Authority to a port user, the outstanding amount shall be settled within the period of thirty days from the date of the invoice.

(3) The outstanding amount which is not settled within the period as specified in paragraph (2) shall be surcharged as damages of a sum equal to the charges to be paid.

(4) The outstanding amount referred to in paragraph (3) shall not include the surcharge amount.

**Undercharge**

11. The Authority shall be entitled to collect any amount of charges which may be ascertained to have been undercharged or that which may otherwise be found to be due, and shall demand in writing the payment of any such amount within six years from the date of transaction.

**Time limit and condition for refund of overcharge**

12. (1) A port user shall be entitled to a refund of any overcharge if a claim for refund is submitted in writing to the Authority within six years from the date of the transaction.

(2) A port user who claims for refund of any overcharge shall provide full information supported by such other documentary evidence as may be required by the Authority.

(3) In the case of cargo, the Authority shall accept a claim for refund if the port user has disputed the measurement or weight of such cargo at the time such cargo was measured or weighed.

**Liability for charges**

13. (1) A consignee shall be liable for all charges on inward cargo.

(2) A shipper shall be liable for all charges on outward cargo.

(3) A master of a ship or ship's agent shall be responsible for all charges recoverable from the ship and on cargo.

**Re-issuance of documents**

14. If any voucher, tally sheet, invoice or other documents relating to the delivery of cargo issued by the Authority to the port user has been lost or accidentally defaced or the particulars have become illegible, the Authority upon being satisfied as to such loss, defacement or illegibility shall, on payment of a fee of twenty-five ringgit, re-issue a copy of the original document or a replacement document, as the case may be.

**Foreshore charge**

15. A consignee or shipper shall pay the foreshore charge to the Authority for cargo and vehicles passing over the foreshore within the Port limit other than the foreshore within the port premises at the rate specified in the Second Schedule.

FIRST SCHEDULE

SHIP'S ACCOUNT CHARGE

PART 1

PORT DUES

[by-law 4]

Item (1)	Description (2)	Per GT or part thereof (RM) (3)	Minimum port dues (RM) (4)
1.	Per ship entering or calling the Port for any purpose		
	(a) not exceeding 30 days, per entry	0.10	10.00
	(b) exceeding 30 days, in addition to charges payable in item 1(a), per day or part thereof	0.02	2.00

PART 2

LAY-UP DUES

[by-law 5]

Item (1)	GT of ship (2)	For 30 days or part thereof per entry (RM) (3)
1.	Not exceeding 1,000 GT	750.00
2.	Exceeding 1,000 GT but not exceeding 2,000 GT	1,250.00

Item (1)	GT of ship (2)	For 30 days or part thereof per entry (RM) (3)
3.	Exceeding 2,000 GT but not exceeding 15,000 GT	1,750.00
4.	Exceeding 15,000 GT	3,500.00 and with addition of 1.80 per 100 GT or part thereof

## PART 3

## HANDLING CHARGE FOR SHIP TO SHIP CARGO

[by-law 6]

Item (1)	Description (2)	Per tonne of cargo or part thereof (RM) (3)
1.	Cargo movement from one ship to another ship within the Port limit	0.15

## SECOND SCHEDULE

## FORESHORE CHARGES

[by-law 15]

Item (1)	Description (2)	Per tonne of cargo or part thereof (RM) (3)
1.	All cargo passing over the foreshore	1.00

Made 30 March 2020  
[LPL.100-1/1/1(1); PN(PU2)388/V]

CHAN FOONG HIN  
*Chairman*  
*Labuan Port Authority*

Approved 31 March 2020  
[MOT.BM (S). 600-2/7/7(9); PN(PU2)388/V]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
*Minister of Transport*